

**KAJIAN PENGGUNAAN STRUKTUR KERANGKA RUANG DENGAN
MENGAMBIL CONTOH STADIUM TERTUTUP SUKAN PAHANG
SEBAGAI KAJIAN KES**

**MOHD YUSDI BIN YUSOF
DIP. SENIBINA (UTM)**

Kajian Topikal ini dikemukakan kepada
Jabatan Senibina, Fakulti Alam Bina, Universiti Teknologi Malaysia
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Senibina

Jabatan Senibina
Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL, 2001

ABSTRAK

Struktur kerangka ruang adalah sebahagian daripada komponen paling penting dalam komponen sesebuah bangunan. Penggunaan struktur kerangka ruang kini pesat digunakan dalam teknologi pembinaan yang memerlukan jarak ruang yang lebih luas dan dapat berfungsi dengan baik.. Keberkesanan penggunaan struktur kerangka ruang amat dititikberatkan dalam rekabentuknya. Oleh itu rekabentuk struktur kerangka ruang seharusnya mempunyai asas dan mengikuti prinsip - prinsip asas serta berlandaskan kepada asas rekabentuk keluli yang baik. Berdasarkan kepada fahaman dan kesedaran inilah maka satu laporan yang lengkap akan disediakan sebagai maklumat tambahan bagi memudahkan pemahaman para pembaca terhadap struktur kerangka ruang. Setiap bab dalam laporan ini akan menerangkan aspek - aspek yang berasingan mengenai perkara - perkara yang berlainan. Bab pertama akan menerangkan secara amnya mengenai pengenalan, isu dan permasalahan, kepentingan kepada struktur kerangka ruang, objektif, skop kajian dan methodologi kajian yang mana akan menggambarkan perkara yang cuba ditekankan dan juga panduan kepada penggunaan struktur kerangka ruang Dalam bab kedua pula penerangan dan pemahaman tentang asas rekabentuk keluli akan diterangkan agar ada perkaitan dalam merekabentuk struktur kerangka ruang.. Dalam bab kajian kes merupakan aspek yang penting yang mana ianya amat berguna sebagai panduan dan perbandingan dalam penggunaan struktur kerangka ruang yang digunakan sebagai struktur utama bumbung pada bangunan. Melalui kajian ini adalah diharapkan semua pihak akan lebih memahami sistem struktur kerangka ruang ini.